

baru dibawa masuk ke Andalusia hanya selepas kematian Ibnu Hazam. Imam az-Zahabi di dalam Mizaan al-Itidaal menyebut, pada Imam Baihaqi juga tidak ada Kitab-kitab Sunan Nasaa'i, Ibnu Majah dan Jaami' at-Tirmizi. (*Lihat untuk semua keterangan tadi Muqaddimah Tuhfatu al-Ahwazi j.1 m/s 271.*)

Hadits-Hadits Jaami' Tirmizi Yang Dikritik Imam Ibnu Al-Jauzi

Kata as-Suyuthi, Ibnu al-Jauzi telah menghukum maudhu' tiga puluh hadits Jaami' Tirmizi. Ibnu al-Jauzi adalah seorang yang sangat keras dalam menilai dan mengkritik hadits. Kata an-Nawawi, banyak sekali hadits yang telah dihukum maudhu' oleh Ibnu al-Jauzi di dalam kitabnya. Padahal tidak ada dalil pun tentang maudhu'nya hadits-hadits itu. Hadits-hadits itu sebenarnya adalah dha'if bukan maudhu'. Menurut Imam az-Zahabi, Ibnu al-Jauzi telah memasukkan banyak sekali hadits-hadits yang kuat dan hasan ke dalam Kitab al-Maudhu'atnya. As-Suyuthi telah menjawab kritikan Ibnu al-Jauzi terhadap hadits-hadits Jaami' Tirmizi dan lain-lain di dalam dua buah bukunya yang berjudul: "Al-Qaulu al-Hasan Fi az-Zubbi 'An as-Sunan" dan "At-Ta'aqqubaat 'Ala al-Maudhu'at". Tetapi bagi penulis, kritikan Ibnu al-Jauzi yang dikatakan bersifat terlalu keras itu baik sekali untuk menjaga sunnah Rasulullah s.a.w. Pada sesetengah tempat kritikan beliau memang wajar. Banyak juga hadits Jaami' Tirmizi yang belum dikritik dan disentuh orang padahal ia juga bermasalah.

Ciri-Ciri Istimewa Yang Terdapat Di Dalam Kitab Jaami' Tirmizi

Antara ciri istimewa kitab Jaami' Tirmizi ialah: (1) Selain kitab Jaami' ia juga merupakan kitab Sunan. (2) Hadits-hadits di dalamnya tidak berulang-ulang. (3) Imam Tirmizi mengemukakan dalil-dalil utama semua golongan fuqaha' dengan mengasingkan bab-bab khusus untuk mereka. Satu tajuk bab diadakan untuk menyokong aliran 'ulama' Hijaaziyin. Tokoh-tokoh yang termasuk dalam aliran ini antara lainnya ialah Malik, Syafi'e, Ahmad dan lain-lain. Satu tajuk bab lagi diadakan untuk menyokong aliran 'ulama' Kufah atau 'Iraq. Antara tokoh yang termasuk dalam aliran ini ialah Sufyan ats-

Tsauri, Abu Hanifah, Waki' dan lain-lain. (4) Di bawah setiap bab yang berkenaan dengan fiqh, dikemukakan pelbagai alirannya. Dengan itu kitab Jaami' Tirmizi bukan sahaja merupakan kitab hadits, malah dalam masa yang sama ia juga merupakan kitab perbandingan fiqh dan kitab yang mengandungi keterangan tentang perbezaan-perbezaan di antara aliran-aliran fiqh. Hakikat ini dapat dilihat umpamanya melalui kata-kata Tirmizi: *والعمل على هذا عند أكثر أهل العلم والعمل على هذا عند أهل العلم* atau *بعض أهل العلم*. Ahli 'ilmu yang dimaksudkan oleh beliau ialah para mujtahidin dari pelbagai aliran fiqh. (5) Kedudukan dan darjat sesuatu hadits dinyatakan. Selain itu kelemahan-kelemahan yang terdapat di dalam sanad juga didedahkan. (6) Di bawah setiap bab dikemukakan satu, dua atau tiga hadits. Hadits-hadits yang dipilih Imam Tirmizi pada umumnya tidak dikemukakan oleh imam-imam hadits yang lain. Ia kemudiannya disusuli dengan kata beliau ... *وفي الباب عن فلان وفلان* iaitu satu istilah khusus beliau yang menunjukkan bahawa di sana terdapat juga hadits-hadits yang diriwayatkan oleh sahabat-sahabat lain selain yang telah dikemukakan oleh beliau. Hadits-hadits yang diisyaratkan oleh beliau melalui ... *وفي الباب عن فلان وفلان* itu sesuai juga dimasukkan di bawah bab yang dikemukakan beliau itu. Hadits-hadits yang diisyaratkan oleh tirmizi melalui isyarat ... *وفي الباب عن فلان وفلان* itu mungkin betul-betul sama lafaznya dengan hadits yang dikemukakan oleh beliau di bawah sesuatu bab. Mungkin juga hanya sama dari sudut ma'na atau kandungannya sahaja. (7) Imam Tirmizi biasanya akan meringkaskan hadits yang terlalu panjang. Beliau akan mengambil hanya bahagian yang diperlukan dan berkenaan sahaja dengan sesuatu bab. Kerana itulah anda akan dapati hadits-hadits Tirmizi selalunya ringkas dan pendek. Bentuk hadits yang ringkas dan pendek itu tentunya mudah dihafal dan diingat. (8) Jika sanad sesuatu hadits ber'illat (mempunyai kecacatan) atau *mudhtharib* (tidak tetap), Imam Tirmizi akan menjelaskannya secara terperinci. (9) Menghilangkan kekeliruan yang mungkin timbul daripada nama-nama perawi yang mengelirukan. Jika seseorang perawi itu terkenal dengan nama sebenarnya, nama panggilan (kunya) atau nama gelarnya (laqab) juga disertakan. Dan jika seseorang perawi itu terkenal dengan nama panggilannya (kunya), nama sebenarnya pula disertakan. Dengan cara ini kekeliruan tentang seseorang perawi tidak akan berlaku. Kadang-kadang Imam Tirmizi juga membincangkan tentang seseorang perawi, sama ada ia memang mendengar daripada orang yang diriwayatkan

sesuatu hadits daripadanya (مروي عنه) atau tidak. (10) Jaami` Tirmizi disusun secara tertib dan cermat. Tajuk-tajuk babnya pula terang dan mudah difahami. Hadits-hadits di dalamnya juga senang dicari. (11) Menurut Imam Tirmizi, hadits-hadits yang tersebut di dalamnya tidak ada yang ditolak oleh semua ahli fiqh. Pasti ada faqih yang menggunakannya, kecuali dua hadits sahaja, iaitu: (a) Hadits tentang menjama`kan dua sembahyang tanpa sebarang ke`uzuran. Hadits itu dikemukakan oleh Tirmizi di bawah حَدَّثَنَا هَنَادٌ حَدَّثَنَا أَبُو مُعَاوِيَةَ عَنْ الْأَعْمَشِ عَنْ حَبِيبِ بْنِ أَبِي ثَابِتٍ عَنْ سَعِيدِ بْنِ جُبَيْرٍ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ جَمَعَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْنَ الظُّهْرِ وَالْعَصْرِ وَبَيْنَ الْمَغْرِبِ وَالْعِشَاءِ بِالْمَدِينَةِ مِنْ غَيْرِ خَوْفٍ وَلَا مَطَرٍ قَالَ فَقِيلَ لِابْنِ عَبَّاسٍ مَا أَرَادَ بِذَلِكَ قَالَ أَرَادَ أَنْ لَا يُخْرَجَ أَمَّتُهُ Maksudnya: Kata Ibnu `Abbaas: "Rasulullah s.a.w. telah menjama`kan sembahyang Zohor dan `Ashar dan juga sembahyang Maghrib dan `Isyaa` di Madinah dalam keadaan tidak ada sebarang ketakutan dan hujan." Kata perawi, maka ada orang bertanya Ibnu `Abbaas, kenapa Baginda s.a.w. berbuat begitu? Jawab Ibnu `Abbaas: Baginda s.a.w. berbuat begitu supaya tidak menyusahkan umatnya. (Jaami` Tirmizi j.1 m/s 314). (b) Hadits tentang hukum bunuh terhadap peminum arak. Hadits ini tersebut di bawah حَدَّثَنَا أَبُو كُرَيْبٍ حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ بْنُ عَاشٍ عَنْ عَاصِمِ بْنِ بَهْدَلَةَ عَنْ أَبِي صَالِحٍ عَنْ مُعَاوِيَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ شَرِبَ الْخَمْرَ فَاجْلِدُوهُ فَإِنْ عَادَ فِي الرَّابِعَةِ فَاقْتُلُوهُ Maksudnya: Rasulullah s.a.w. bersabda: Sebatlah orang yang minum arak. Jika dia mengulangi lagi meminumnya buat kali keempat, bunuhlah dia. (Jaami` Tirmizi j.5 m/s 355). Sebenarnya hadits ini juga dipakai oleh fuqaha`. Dalam fiqh mazhab Hanafi, hadits pertama dipakai sebagai jama` shuri. Hadits kedua pula dipakai sebagai hukum berdasarkan siasah. (12) Kadang-kadang Imam Tirmizi mengadakan satu tajuk bab menggunakan lafaz satu hadits sahih yang masyhur dan diriwayatkan oleh seseorang sahabat. Hadits itu diriwayatkan juga oleh pengarang-pengarang kitab Sihah Sittah yang lain. Untuk membuktikan apa yang dida`wa beliau di dalam tajuk bab, beliau bawakan satu hadits yang tidak masyhur yang diriwayatkan oleh seorang sahabat lain. Meskipun sanad hadits yang dikemukakan oleh beliau itu lebih rendah tarafnya daripada sanad hadits yang dikemukakan di dalam tajuk bab, ia disusuli dan diperkuatkan dengan kata beliau: وفي الباب عن فلان وفلان وفلان. Salah seorang fulan yang diisyaratkan dengan kata وفي الباب tadi ialah sahabat yang meriwayatkan hadits yang dikemukakan beliau di dalam tajuk bab. Faedahnya ialah selain memperkenalkan hadits yang tidak begitu

populer, dapat juga beliau menyatakan apa-apa kecacatan jika ia terdapat di dalam hadits yang dikemukakan itu. Adakalanya Imam Tirmizi juga menyatakan apa yang kurang dan apa yang lebih di dalam sesuatu matan hadits. (13) Boleh dikatakan apabila Imam Tirmizi mengemukakan hadits seseorang sahabat di bawah sesuatu tajuk bab, beliau tidak akan menyebut lagi nama sahabat itu dalam senarai orang-orang yang beliau isyaratkan dalam katanya: وفي الباب عن فلان وفلان وفلان. Akan tetapi ada juga beberapa tempat yang terkecuali daripada qaedah ini, di mana beliau menyebut pula nama sahabat berkenaan dalam senarai yang diisyaratkan itu. Di bawah باب ما جاء في الرُّكْعَيْنِ إِذَا جَاءَ الرَّجُلُ وَالْإِمَامُ يَخْطُبُ sebagai contohnya, Imam Tirmizi mengemukakan hadits Jaabir bin 'Abdillah. Selepas mengemukakan hadits kedua di bawah bab ini beliau berkata: وفي الباب عن جَابِرٍ وَأَبِي هُرَيْرَةَ وَسَهْلِ بْنِ سَعْدٍ. Beliau menyebut pula nama Jaabir di dalamnya. Apa tujuan Imam Tirmizi menyebut semula nama Jaabir di sini? Jawab Hafiz al-'Iraaqi, tujuannya mungkin untuk mengisyaratkan kepada riwayat lain Jaabir yang juga berkaitan dan berkenaan dengan tajuk bab. (14) Selalu juga selepas meringkaskan hadits yang panjang, Tirmizi mengatakan: فيه قصة وفيه كلام أكثر من هذا. Maksudnya: Hadits ini punya kisah dan cerita yang lebih panjang daripada apa yang disebutkan ini. (15) Nama-nama perawi yang sama akan dibezakan dengan gelarannya. Misalnya Yazid, ada dua orang. Untuk membezakan dua orang yang bernama Yazid itu Imam Tirmizi akan berkata, Yazid al-Faarisi atau Yazid ar-Raqaasyi. Dua nama panggilan yang dikongsi juga akan dibezakan oleh Tirmizi. Abu Haazim misalnya adalah nama panggilan untuk dua orang yang berbeza. Ia mengelirukan. Untuk membezakannya Imam Tirmizi akan berkata, Abu Haazim az-Zaahid atau Abu Haazim al-Asyja'i. Nama sebenar Abu Haazim az-Zaahid ialah Salamah bin Dinar al-Madini. Nama sebenar Abu Haazim al-Asyja'i pula ialah Salman al-Kufi. Pendek kata Imam Tirmizi akan menghilangkan kekeliruan yang mungkin timbul akibat daripada kesamaan nama perawi-perawi. (16) Imam Tirmizi juga kadang-kadang mengadakan bab tanpa tajuk (باب بلا ترجمة) seperti yang dibuat guru beliau Bukhari sebelumnya. Selepas menukikan hadits di bawahnya, beliau berkata: وفي الباب عن فلان وفلان dengan maksud mengisyaratkan kepada hadits-hadits yang sama dengannya. Bab tanpa tajuk biasanya mengambil alih perkataan "Fasal". Ia bererti hadits di bawahnya masih berkenaan dengan tajuk bab sebelumnya. Ia juga mungkin bererti hadits di bawahnya mengandungi masalah, pengajaran atau panduan yang masih ada kena

mengenanya dengan tajuk bab sebelumnya. (17) Sering kali juga selepas mengemukakan sesuatu hadits yang diriwayatkan oleh seseorang sahabat, Imam Tirmizi berkata: وفي الباب dengan menyebut nama sahabat yang lain. Lalu selepas itu beliau kemukakan terus hadits sahabat yang diisyaratkan tadi. Maka dalam keadaan ini perlulah difahami bahawa itulah sebenarnya hadits sahabat yang diisyaratkan oleh beliau di dalam kata: وفي الباب itu. Misalnya di bawah زكاة البقر باب ما جاء في زكاة البقر Imam Tirmizi mengemukakan satu hadits yang diriwayatkan oleh `Abdullah bin Mas`ud. Lalu beliau berkata: وفي الباب عن معاذ بن جبل . Kemudian terus beliau kemukakan pula hadits Mu`az yang diisyaratkan itu. (18) Selepas mengemukakan sesuatu hadits Imam Tirmizi mengatakan هذا حديث صحيح atau هذا حديث منكر . Keputusan Imam Tirmizi yang seperti ini tidak menimbulkan sebarang masalah atau kekeliruan. Yang menimbulkan kekeliruan ialah apabila beliau berkata: هذا حديث غريب صحيح atau هذا حديث حسن غريب atau هذا حديث غريب atau هذا حديث غريب صحيح dan sebagainya. Apa ertinya semua istilah-istilah ini? Ia kelihatan semacam bertentangan. Kalau sudah sahih kenapa pula dikatakan gharib (dha`if)? Bolehkah sesuatu hadits itu sahih dan dalam masa yang sama ia juga dha`if? Para `ulama` hadits telah memberi tiga jawapan untuk menghilangkan kekeliruan akibat penggunaan istilah yang kelihatan bertentangan itu: (a) Imam Tirmizi mahu mengisyaratkan bahawa hadits berkenaan ada diriwayatkan melalui beberapa saluran riwayat. Ada antaranya yang sahih, ada yang hasan dan ada juga yang gharib atau dha`if. (b) Hadits berkenaan pada pandangan dan penilaian sesetengah `ulama` sahih. Pada pandangan dan penilaian sesetengah `ulama` yang lain ia hasan. Sementara pada pandangan dan penilaian sesetengah `ulama` yang lain pula ia gharib. Ertinya ialah para `ulama` hadits berbeza pendapat tentang taraf dan kedudukannya sesuai dengan syarat dan iltizam masing-masing. (c) Imam Tirmizi mengatakan begitu bukan hanya untuk hadits yang dikemukakan beliau sahaja. Salah satu daripada hukum yang diberikan itu memang sesuai untuk hadits yang dikemukakan beliau. Adapun yang dua lagi, ia tidak sesuai dengannya, malah ia sesuai dengan hadits-hadits sahabat lain yang diisyaratkan oleh beliau dengan kata: وفي الباب عن فلان وفلان . Ertinya keputusan yang dibuat Tirmizi itu adalah dengan mengambil kira hadits-hadits lain yang sama`na dengan hadits yang dikemukakan oleh beliau. (d) Menurut Hafiz al-`Iraqi, kata-kata Tirmizi هذا حديث حسن misalnya bererti bagi beliau sifat hadits hasan pada hadits yang dikemukakan adalah

lebih kuat daripada sifat hadits gharib atau dha'if. Apabila Imam Tirmizi menyebutkan hasan sebelum gharib, itu bererti sifat hasanlah yang lebih kuat padanya. Tetapi jika gharib pula disebut dahulu, maka itu bererti sifat ghariblah yang lebih kuat padanya. Antara hadits yang boleh diterapkan qaedah yang dikemukakan oleh Hafiz al-'Iraqi ini ialah hadits marfu' yang diriwayatkan oleh Ibnu 'Umar dibawah *باب مَا جَاءَ فِي الْأَرْبَعِ قَبْلَ* حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ مُوسَى وَمُحَمَّدُ بْنُ غِيْلَانَ وَأَحْمَدُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ الدُّورَقِيُّ وَغَيْرُ . *العصر* . Berikut ialah haditsnya: *وَأَحَدٌ قَالُوا حَدَّثَنَا أَبُو دَاوُدَ الطَّيَالِسِيُّ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ مُسْلِمٍ بْنُ مَهْرَانَ سَمِعَ جَدَّهُ عَنْ ابْنِ عُمَرَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ* *وَأَحَدٌ قَالُوا حَدَّثَنَا أَبُو دَاوُدَ الطَّيَالِسِيُّ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ مُسْلِمٍ بْنُ مَهْرَانَ سَمِعَ جَدَّهُ عَنْ ابْنِ عُمَرَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ رَجِمَ اللَّهُ امْرَأً صَلَّى قَبْلَ الْعَصْرِ أَرْبَعًا قَالَ أَبُو عِيْسَى هَذَا حَدِيثٌ غَرِيبٌ حَسَنٌ* Maksudnya: “Semoga Allah merahmati orang yang bersembahyang (sunat) empat raka'at sebelum (bersembahyang) 'Ashar.” Bagi al-'Iraqi sifat hadits gharib pada hadits ini lebih kuat berbanding sifat hadits hasan. Ini kerana Imam Tirmizi mendahulukan perkataan gharib daripada perkataan hasan. (*Lihat as-Suyuthi- Quut al-Mughtazi j.1 m/s 57, al-Mubarakfuri- Tuhfatu al-Ahwazi j.2 m/s 417*). (19) Adakalanya Imam Tirmizi hanya mengemukakan hadits gharib dan dha'if di bawah sesuatu tajuk bab. Padahal ada pun hadits sahih yang sesuai untuk tajuk itu. Imam Tirmizi sendiri bahkan ada mengisyaratkan kepada hadits sahih itu dalam kata beliau: *وفي الباب عن فلان وفلان* . Kenapa beliau tidak mengambil saja hadits sahih itu dan mengemukakannya dengan lengkap di bawah tajuk bab berkenaan? Jawabnya ialah Imam Tirmizi mempunyai maksud lain di situ. Maksud beliau ialah memperkenalkan hadits dha'if dan perawi-perawinya. Yang menjadi pegangan beliau dan lain-lain 'ulama' dalam bab berkenaan bukan hadits dha'if yang dikemukakan itu, tetapi sebaliknya hadits-hadits sahih yang diisyaratkan oleh beliau melalui katanya: *وفي الباب عن فلان وفلان* . Hadits dha'if itu dikemukakan beliau mungkin hanya sebagai syahid atau mutaba'at sahaja. (20) Ada juga ketikanya, setelah mengemukakan pendapat atau pandangan tokoh tertentu tentang ma'na dan maksud sesuatu hadits, Imam Tirmizi mengkritik pendapatnya lalu mengulas hadits berkenaan berdasarkan pemahaman beliau sendiri.

Kitab-Kitab Syarah Dan Hasyiah Jaami' Tirmizi

Para 'ulama' muhadditsin telah memberikan perhatian luar biasa kepada Jaami' Tirmizi kerana kelebihan dan keistimewaannya yang sangat banyak. Hasilnya lahirlah sekian banyak syarah dan hasyiah yang dikarang mereka di sepanjang sejarah penulisan kitab-kitab hadits. Antara syarah dan hasyiahnya yang popular ialah: (1) 'Aaridhatu al-Ahwazi - Hafiz Abu Bakar Ibnu al-'Arabi al-Maliki m.256H. (2) Quut al-Mughtazi - Jalaluddi as-Suyuthi m.911H. (3) Syarah at-Tirmizi - Abu at-Thaiyyib al-Madani m.1109H. (4) Syarah Tirmizi - Syeikh Siraj Ahmad Sarhindi. (5) Naf'u Quut al-Mughtazi - 'Allamah Damanti. Kitab ini merupakan ringkasan kepada kitab Quut al-Mughtazi karangan as-Suyuthi. (6) Syarah at-Tirmizi - Hafiz Abu al-Fath Muhammad bin Muhammad bin Saiyyidi an-Naas asy-Syafi'e m.734H. (7) Syarah at-Tirmizi - Syeikh Zainuddin 'Abdur Rahman bin Ahmad bin Rajab al-Hambali m.795H. (8) Syarah at-Tirmizi - Syeikh Sirajuddin 'Umar bin Ruslan al-Bulqini asy-Syafi'e m.805H. (9) Syarah Zawaa'id at-Tirmizi - Syeikh Sirajuddin 'Umar bin Ruslan. (10) Hasyiah Syeikh Abu al-Hasan Nuruddin Muhammad bin 'Abdul Hadi as-Sindhi al-Hanafi m.1138H. (11) Tuhfatu al-Ahwazi - Maulana 'Abdur Rahman al-Mubarakpuri m.1353H. (12) Al-'Arfu asy-Syazi - Maulana Muhammad Anwar Syah al-Kashmiri. Buku ini sebenarnya adalah hasil catitan seorang murid Maulana bernama Maulana Muhammad Chiragh. (13) Al-Kaukab ad-Durri - Maulana Rasyid Ahmad al-Ganggohi m.1323H. (14) Ma'arif as-Sunan - Maulana Muhammad Yusuf al-Banoori. (15) Bahrul Maazi - Syeikh Muhammad Idris al-Marbawi. Bahrul Maazi adalah satu-satunya Syarah Tirmizi di dalam bahasa Melayu (Jawi lama). Ia sebenarnya merupakan Syarah kepada Mukhtasar Sunan at-Tirmizi. Walaupun ia hanya Syarah kepada Mukhtasar Sunan at-Tirmizi, namun perbincangannya agak meluas dan ia telah termuat dalam 9 jilid tebal. (16) Tuhfatul Alma'i - Syeikhul Hadits Darul 'Ulum Deoband sekarang, Maulana Sa'id Ahmad Palanpuri. Tuhfatul Alma'i adalah Taqrir (Syarah) Jaami' at-Tirmizi yang lengkap dalam bahasa Urdu. Ia dicetak menjadi 8 jilid.